



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

SAMBUTAN HARI PENGUAT KUASA KE-53: KPDN KOMITED PERKUKUH PERANAN PENGUAT KUASA

Sambutan Hari Penguat Kuasa KPDN ke-53 bertemakan “*Komited Mendepani Cabaran*”, merupakan penzahiran kepada semangat jitu warga penguat kuasa KPDN dalam mendepani pelbagai cabaran terkait perdagangan dalam negeri dan kepenggunaan yang semakin kompleks dan mencabar.

Dalam memperkasa peranan dan menggerakkan agenda penguatkuasaan, pelbagai strategi dan inisiatif telah dilaksanakan. Sebagai contoh, sepanjang bulan Ramadan dan menjelang syawal, KPDN telah melaksanakan OPS Pantau 2025 disusuli dengan pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya Puasa di seluruh negara.

OPS Pantau yang telah dilaksanakan bermula dari 2 Mac hingga 30 Mac 2025 memberi tumpuan kepada beberapa aspek utama termasuk pemantauan bekalan dan harga barang, jualan murah, penggunaan alat timbangan, penjualan barangan tiruan atau cetak rompak, pelabelan halal serta penjualan barang keperluan sempena Hari Raya Aidilfitri.

Sebanyak 70,906 pemeriksaan telah dijalankan melibatkan pelbagai jenis premis tumpuan seperti bazar Ramadan, bazar Aidilfitri, pasar awam, pasar basah, pasar raya, pasar raya besar, pasar raya mini dan kedai runcit. Hasil pemeriksaan merekodkan sebanyak 390 kes melibatkan kesalahan utama seperti tidak mempamerkan tanda harga dan menggunakan alat timbang yang tidak ditentusahkan atau tamat tempoh.

Pelaksanaan OPS Pantau 2025 dan SHMMP Hari Raya Puasa berhasil memastikan pematuhan para peniaga agar tidak menaikkan harga barangan sesuka hati sekali gus membantu para pengguna untuk berbelanja pada harga yang munasabah. Malahan, keberhasilan inisiatif KPDN ini telah mendapat pengiktirafan daripada YAB Perdana Menteri dan Jemaah Menteri berikutan ketiadaan isu besar berkaitan kenaikan harga barangan melampau seperti yang sering berlaku pada setiap musim perayaan.

Pada masa yang sama, perkembangan positif ini juga berlaku disebabkan kerjasama rapat merentasi pelbagai kementerian. Sebagai contoh, usaha untuk menangani isu kekurangan bekalan dan ketidakstabilan harga kelapa, santan dan minyak masak kemasan botol di menjelang bulan Ramadan dan bulan Syawal yang lalu. Isu ini dapat ditangani segera hasil penyelarasan dan tindakan susulan melibatkan KPDN, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Kementerian Kewangan dan Kementerian Perlindungan dan Komoditi.

Selain itu, KPDN juga akan terus meningkatkan ketangkasan dalam menangani isu ketirisan barang kawalan dan barang kawalan bersubsidi. Ini sejajar dengan pelaksanaan Gerakan Membanteras Manipulasi dan Ketirisan (KITA GEMPUR). Sehubungan itu, sebagai langkah baharu bersempena sambutan hari Penguat Kuasa KPDN ke-53, KPDN turut melancarkan OPS GASAK 2025 (Gas Memasak). OPS GASAK ini bertujuan membanteras penyelewengan subsidi gas petroleum cecair (LPG). Operasi ini akan digerakkan secara komprehensif di seluruh negara bermula pada 1 Mei 2025. Ia melibatkan kerjasama pelbagai agensi penguat kuasa termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

KPDN akan terus memperkukuh peranan penguatkuasaan melalui pendekatan yang bersasar, berasaskan data, serta berorientasikan pendidikan pengguna dan peniaga. Ini termasuk meningkatkan kecaknaan dan partisipasi rakyat agar menjadi pengguna yang lebih berinformasi, bertanggungjawab dan dilindungi.

KPDN menyeru seluruh rakyat Malaysia untuk terus menjadi rakan strategik dalam membanteras salah laku perdagangan serta menyokong usaha kerajaan ke arah mewujudkan ekosistem perniagaan yang adil, mampan dan berdaya tahan.

YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI

Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup

Putrajaya

18 April 2025